# BUDAYA MELAYU, BUDAYA CINA DAN ISLAM: MENCARI SINTESIS DAN IMBANGAN DALAM PROSES PEMBUDAYAAN ISLAM DI DALAM MASYARAKAT MAJMUK

THAM SEONG CHEE

No 15

Academic Session 1993/94

ISBN 9971-62-351-X

Department of Malay Studies
National University of Singapore

# FOREWORD

I am pleased to write this short foreword to introduce the Department's Seminar and Occasional Papers Series. The series provides the opportunity for staff members of the Department as well as scholars of Malay Studies in general to have their research findings on Malay subjects made known to a wider audience. It is also hoped that this initiative will provide the avenue for a beneficial exchange of ideas and viewpoints on Malay issues between town and gown.

The Department would like to thank Hotel Properties Pte Ltd for sponsoring the publication of the series.

Finally, it should be mentioned that the views expressed in the seminar and occasional papers series are those of the respective authors.

23 May 1994

Professor Tham Seong Chee
Head
Department of Malay Studies

# BUDAYA MELAYU, BUDAYA CINA DAN ISLAM: MENCARI SINTESIS DAN IMBANGAN DALAM PROSES PEMBUDAYAAN ISLAM DI DALAM MASYARAKAT MAJMUK

**THAM SEONG CHEE**

Dari masa ke masa saya ditanya orang beragama Islam tentang sumber ajaran-ajaran akhlak orang Cina yang memungkinkan hidup harmonis serta bertujuan. Tentu soalan yang diajukan itu terpengaruh oleh kesedaran tentang perbezaan antara agama Islam dan sistem kepercayaan orang Cina yang pada dasarnya berlandaskan pada ajaran-ajaran Confucius. Pada agama Islam kepercayaan pada Allah atau Tuhan yang Maha Esa adalah utama seperti difahami dengan konsep akidah.

Maka buat orang-orang Islam, Allah atau Tuhan yang Maha Esa adalah sumber segala kebenaran dan keakhlakan (morality) dinyatakan kepada Nabi Muhammad melalui wahyu-wahyu tertentu. Dibandingkan dengan agama Islam, sistem ajaran Confucius (yang seperti dibayangkan tadi merupakan asas sistem akhlak masyarakat Cina) tidak menganggap kepercayaan kepada Tuhan sebagai utama bukan disebabkan hal tersebut diragui tetapi sebenarnya dianggap manusia tidak mempunyai kuasa intelek yang diperlukan untuk memahamiNya. Orang-orang Cina umumnya sedar tentang adanya kuasa-kuasa ghaib dan kosmik yang mempengaruhi perbuatan dan hidup manusia dan bertempat di cakerawala disebut 'tien'. Kuasa-kuasa spiritual atau kosmik tersebut tadi dipuja oleh setengah-setengah orang Cina untuk mendapat restu dan perlindungan tetapi tidak diakui sumber pengesahan perbuatan-perbuatan sehari-hari. Untuk orang-

orang Cina sumber kebenaran dan keakhlakan pada dasarnya terletak pada manusia sendiri iaitu dari segi cara mereka berhubung antara suatu sama yang lain dikendalikan oleh dua konsep akhlak iaitu 'li' (bermakna adab dan prosedur) dan 'jen' (bermakna perikemanusiaan, kebajikan dan dorongan hendak menolong dan berbuat baik). Konsep 'li' mempunyai persamaan dengan 'adab' dan 'rukun' dalam kebudayaan Melayu sedangkan 'jen' bolehlah disamakan dengan konsep-konsep 'ihsan' dan 'kamil' dalam agama Islam.

Apa yang dibentangkan tadi menegaskan suatu kenyataan dasar yang menyifatkan agama Islam dan sistem ajaran akhlak Confucius iaitu keprihatinan kedua-duanya tentang penubuhan sebuah masyarakat yang tidak sahaja berakhlak tetapi sebuah masyarakat yang mentaati peraturan-peraturan hidup yang dianggap sempurna dan dapat membawa kebahagiaan dan keamanan jiwa kepada tiap-tiap individu.

Seperti diketahui agama Islam menitikberatkan dua jenis tanggungjawab iaitu tanggungjawab terhadap Tuhan yang Maha Esa dan tanggungjawab terhadap manusia lain khususnya yang seagama di bawah konsep ummah. Begitu juga sistem ajaran akhlak Confucius menegaskan beberapa jenis tanggungjawab iaitu tanggungjawab terhadap ibu bapa, tanggungjawab terhadap keluarga, tanggungjawab terhadap orang-orang yang berkuasa, tanggungjawab kepada ketua-ketua negeri asal mereka mempunyai pengesahan masyarakat umum. Dan seperti dengan agama Islam sistem ajaran akhlak Confucius berlandaskan pada kepercayaan bahawa jika tiap-tiap individu sedar dengan tanggungjawab atau kewajipannya serta bersedia melaksanakannya maka sebuah masyarakat yang berakhlak, mantap, dan bahagia akan diwujudkan. Baik

agama Islam mahupun sistem ajaran akhlak Confucius secara konsisten dan tak berubah-ubah menonjolkan keprihatinan terhadap tanggungjawab seseorang.

Seperti diketahui juga, dalam agama Islam yang dianggap fardhu ain merupakan tanggungjawab terhadap Tuhan yang Maha Esa sedangkan yang dianggap fardhu kifayah merupakan tanggungjawab terhadap ummah iaitu dari segi memajukan hidup, kebajikan dan iman. Buat kebudayaan Cina keprihatinan utamanya adalah terhadap manusia iaitu bagaimana seseorang dapat diinsafkan supaya berlaku dengan bertanggungjawab demi memajukan kebaikan dirinya sendiri dan masyarakat umum. Dalam hal ini agama Islam menganjurkan konsep insan kamil - sesorang yang tidak sahaja beriman tetapi rela membuat pengorbanan untuk kebaikan ummah dan manusia umumnya. Tegasan akhlak yang sama tersemat juga dalam konsep 'jen' aspek terpenting dalam sistem ajaran Confucius. Dalam kebudayaan Cina seperti dibayangkan dalam sistem ajaran Confucius, 'jen' merupakan pencapaian darjat akhlak yang tertinggi di mana seseorang berlaku dengan fahaman dan kebijaksanaan hasil penghayatan hidup yang luas dan mendalam yang menjadikannya seorang kebijaksanaan atau 'sage'. Yang nyata ialah baik agama Islam mahupun sistem ajaran Confucius lebih menitikberatkan manusia yang berakhlak atau bermoral. Maka di sinilah terdapat pertemuan antara agama Islam dan sistem ajaran akhlak Confucius dalam semangatnya.

Seterusnya seperti dengan agama Islam, sistem ajaran Confucius menegaskan bahawa manusia adalah dicipta atau dilahir tanpa dosa atau dalam kata-kata lain manusia mempunyai kecondongan semula jadi untuk berbuat baik.

Tetapi baik agama Islam mahupun sistem ajaran akhlak Confucius mengenali bahawa manusia bernafsu atau mempunyai kecondongan untuk berbuat jahat juga. Untuk mengawal dorongan-dorongan nafsu tersebut agama Islam menitikberatkan terhadap pentingnya berjihad dan juga terhadap pentingnya mengikut hukum-hukum Syariah yang boleh dianggap perlembagaan segala Muslimin untuk menubuhkan masyarakat berakhlak. Apa pula tentang sistem ajaran akhlak Confucius dalam hal tersebut? Seperti dengan Islam intisari sistem akhlak Confucius menegaskan hak dan tanggungjawab sebagai prinsip dasar dalam mencapai keadilan dan kemantapan dalam masyarakat. Misalnya seorang bapa mempunyai hak-hak tertentu dalam keluarga berbanding dengan emak, anak lelaki dan anak perempuan yang juga mempunyai hak-hak masing-masing. Begitu juga mereka perlu memenuhi tanggungjawab-tangungjawab masing-masing dalam keluarga demi menjaminkan kebahagiaan hidup dalam keluarga. Seperti yang dapat dilihat baik agama Islam mahupun sistem ajaran akhlak Confucius mengakui keluarga sebagai institusi terpenting dalam membentuk peribadi seseorang iaitu pembentukan peribadi ke arah menjadi manusia sempurna baik dilihat dari segi konsep 'insan kamil' mahupun dari segi 'jen'.

Maka amatlah penting dalam sebuah masyarakat majmuk seperti Singapura untuk memahami bahawa walaupun terdapat sistem-sistem kepercayaan berlainan namun yang penting dan utama ialah sikap betul dan jujur. Baik agama mahupun sistem ajaran akhlak pada dasarnya menyanjung kebaikan iaitu menyuruh supaya berbuat baik dengan dipandukan sikap toleran. Sesuatu agama atau sistem ajaran akhlak juga menyuruh penganut-penganutnya supaya mengejar hidup berakhlak yang tertinggi. Agama perlu dijadikan dasar untuk hidup berharmonis tidak sebagai dasar untuk

bersengketa. Sikap bahawa sesuatu agama adalah lebih baik atau sempurna daripada yang lain perlu dibendung jikalau tidak hanya akan merumitkan hubungan kaum. Amat perlu diingati bahawa dalam hal kepercayaan dan agama apa yang dapat dilihat sebagai berbeza dari segi praktiknya tidaklah semesti begitu jika dilihat dari sistem akhlaknya. Perselarasan yang dapat dilihat antara agama Islam dengan sistem ajaran akhlak Confucius dalam bidang tanggungjawab sosial adalah contoh terbaiknya.

Antara orang-orang Melayu yang beragama Islam dengan orang-orang Cina terdapat satu sikap berbeza dalam hal agama. Buat orang-orang Melayu agama Islam dan kepercayaan terhadap Tuhan yang Maha Esa adalah dasar hidupnya bahkan seperti diketahui Islam dianggap tidak terpisah dari Melayu. Buat orang-orang Cina, agama tidak dianggap dasar identiti. Orang-orang Cina anggapkan semua agama sebagai 'ciau' atau pengajaran yang pada dasarnya memanfaatkan manusia. Secara tradisi hanya sistem ajaran-ajaran akhlak Confucius diberi pengiktirafan dalam tata politik negara. Maka oleh itu kebanyakkan orang Cina dahulu berhaluan Confucionisme dan menganggapkannya mencukupi untuk mencapai hidup sempurna. Itulah sebabnya masih terdapat setengah-setengah orang Cina kini yang menganggapkan diri mereka tanpa agama. Buat golongan orang ini, keteguhan dalam mempraktikkan sesuatu agama dikagumkan tetapi sementara itu kurang difaham makna dan dorongannya. Sikap orang-orang Cina terhadap agama dan kepercayaan adalah sinkretik terpengaruh oleh pandangan tentang berguna atau tidaknya sesuatu aspek agama dalam memajukan hidup duniawi baik dalam menyembuh penyakit mahupun dalam mengejar kejayaan. Itulah terdapat orang-orang Cina yang beragama Buddha, Kristian, Islam dan lain-lain lagi. Kerap sekali kepercayaan terhadap ajaran-ajaran agama Buddha dipadukan

dengan unsur-unsur agama rakyat (pemujaan roh-roh nenek-moyang) dan falsafah Taoisme.

Maka dalam hal kepercayaan terdapat suatu sikap berbeza antara orang-orang Melayu dan orang-orang Cina. Tetapi seperti dinyatakan awal-awal tadi terdapat persamaan dasar antara agama orang-orang Melayu dan sistem ajaran akhlak Confucius dalam tegasan yang dibuat kedua-duanya terhadap tanggung-jawab moral dan pentingnya membentuk masyarakat yang berhaluan moral.

Seperti dinyatakan tadi antara orang-orang Cina di Singapura terdapat setengah-setengahnya penganut-penganut agama Buddha, agama Kristian, agama Islam dan ajaran-ajaran Confucius/Taoisme. Ajaran-ajaran dasar agama Buddha juga menegaskan penanaman nilai-nilai akhlak tertuju kepada matalamat mencapai kesempurnaan moral. Dipercayai oleh penganut-penganut agama Buddha bahawa perbuatan baik akan menambahkan pahala seseorang dan dengan itu menjaminkan hidup lebih selesa dalam perwujudan akan datang. Sebaliknya dipercayai bahawa perbuatan jahat akan dibalas dengan hidup sengsara dalam lain perwujudan. Prinsip baik dibalas baik dan jahat dibalas jahat amatlah kuat dalam membentuk sikap penganut-penganut agama Buddha terhadap hidup. Oleh itu dorongan pada orang-orang Cina yang beragama Buddha ialah menjauhkan perbuatan yang memungkinkan penolakkan pahala. Setengah-setengah orang Cina tertarik kepada agama Buddha oleh kerana tegasannya terhadap pengasahan akhlak (moral cultivation) dalam erti-kata menjauhkan dorongan-dorongan semulajadi (diertikan sebagai hawa nafsu dalam agama Islam) yang boleh membawa mudharat jika tidak terkawal.

Orang-orang Cina dan India yang beragama Kristian mempunyai fahaman yang lebih kurang sama tentang nabi-nabi disebut dalam Koran dan kitab Injil. Syak wasangka yang terdapat antara masyarakat Barat yang beragama Kristian dengan masyarakat Timur Tengah yang beragama Islam akibat persengketaan semenjak dahulu-dahulu lagi perlu tidak dicampuradukkan dengan amalan agama di Singapura. Jika warganegara-warganegara Singapura dalam mengamalkan agama mereka masing-masing terperangkap dalam perasaan benci dan perseteruan yang terus menimpa setengah-tengah negara-negara Barat dan Islam maka kestabilan negara mungkin terancam. Agama perlu tidak dibawa ke gelanggang politik. Bagitu juga agama perlu tidak digunakan sebagai senjata politik. Warganegara-warganegara Singapura harus mengakui kedudukan sah dan wajar tiap-tiap suatu agama dalam memenuhi kemahuan dan keperluan yang dianggap penting.

Dalam sebuah masyarakat berbilang agama dan berbilang kaum seperti Singapura penyesuaian-penyesuaian besar diperlukan dalam menentukan bahawa pengamalan agama secara harmonis terus tidak terjejas. Lebih daripada bersikap toleran sahaja, penganut-penganut sesuatu agama harus rela menerima kenyataan bahawa terdapat aspek-aspek amalan yang mungkin sukar untuk disempurnakan dengan cara yang dianggap terbaik. Oleh itu jika terdapat sikap enggan membuat penyesuaian maka akan timbul kerumitan dalam mencapai persefahaman. Bagitu juga hidup dalam sebuah masyarakat berbilang kaum memerlukan anggota-anggotanya bercampur gaul dengan rapat baik di tempat bekerja mahupun ditempat riadhah. Sementara kelurusan (correctness) atau kejujuran keagamaan perlu dijaga namun perbezaan agama harus tidak dijadikan rintangan dalam mengejar matlamat-matlamat yang akhirnya boleh

memanfaatkan semua pihak.

Bahaya akan timbul jika sesuatu kaum meletakkan atau menggariskan sempadan psikologis berasaskan perbezaan agama untuk menjaga identitinya. Dalam sebuah masyarakat berbilang kaum seperti Singapura dorongan seperti yang tersebut tadi tidak mungkin dapat dilaksanakan bahkan akan merugikan akhirnya. Oleh itu amatlah penting untuk sesuatu kaum memikirkan cara-cara sempurna dalam menghadapi permintaan-permintaan dari agamanya dan permintaan-permintaan yang timbul dari niat hendak mencapai kejayaan hidup. Begitu juga, untuk sesuatu agama dan kebudayaan berkait dengannya benar-benar berkesan, ianya hendaklah melihat ke dalam (dalam ertikata memelihara dan mengukuhkan ajaran-ajaran dasarnya) dan juga melihat keluar (dalam ertikata memajukan kepentingan dan kebaikan umum). Kebenaran sesuatu agama tidak terletak pada ajaran-ajaran sahaja tetapi pada fikiran dan perbuatan penganut-penganutnya.

Proses pembudayaan Islam di dalam sebuah masyarakat majmuk seperti Singapura berkehendakkan sikap penerimaan terhadap perbezaan-perbezaan yang ada dalam kepercayaan dan amalan. Seperti diketahui Islam sebagai suatu agama menerima perbezaan dalam hal-hal kepercayaan. Bagitu juga Islam memberi keutamaan kepada kebaikan dan kebajikan manusia. Hal-hal tersebut perlu dinyatakan seterusnya oleh agama Islam dan juga agama lain di Singapura. Hakikatnya kebenaran sesuatu agama terletak pada tasamuhnya, keperikmanusiaannya dan ketinggian nilai-nilai akhlaknya. Oleh itu sebarang paksaan dari agama boleh dianggap melanggar semangat pokoknya. Maka oleh kerana itu sebarang usaha yang ditujui untuk membawa kebaikan atau

mengurangkan penderitaan perlu diberi pengesahan sewajarnya. Dalam sebuah masyarakat berbilang bangsa dan agama sikap tersebut akan memperkuatkan asas-asas perpaduan dan dengan itu menjaminkan masa depan Singapura.

Agama Islam bukan sahaja pilihan orang Melayu tetapi kepercayaan mereka. Berbanding dengannya masyarakat Cina umumnya tidak menganggap sebarang agama sebagai agama khususnya. Hal kepercayaan atau agama terserah kepada tiap individu untuk memutuskannya. Cuma dalam masyarakat India terdapat suatu kedekatan sikap dengan masyarakat Melayu di mana identiti kaum dianggap tidak terpisah dari identiti keagamaan. Baik agama Islam mahupun agama Hindu merupakan suatu sistem kepercayaan dan juga suatu sistem sosial. Pada agama Islam hukum-hukum Syariah adalah dasar untuk mencapai matlamat masyarakat yang berakhlak dan sempurna. Dan pada sistem kasta, agama Hindu menyatakan kepercayaan-kepercayaan kosmik dan sistem akhlaknya.

Disebabkan agama Islam dilihat sebagai agama orang Melayu maka terdapat kemungkinan untuk mengaitkan kekuatan dan kekurangan orang Melayu dengan agamanya. Dalam hal ini saya percaya saudara/saudari tahu dan faham tentang apa yang perlu dibuat untuk menampakkan apa yang baik dan menghindarkan apa yang buruk. Maksud saya, hanya melalui kelakuan dan perbuatan sempurna yang ditunjukkan dalam ibadat dan pencapaian kerja saja maka dapatlah tanggapan benar terhadap agama Islam dapat dijaminkan bahkan terhadap sebarang agama. Dilihat demikian agama itu bukan sahaja soal kepercayaan atau iman tetapi tindakan juga iaitu tekad dan kesediaan penganut-penganutnya menghadapi cabaran-cabaran hidup demi

memajukan kebaikan dan kebajikan individu dan masyarakat.

Sejarah dunia menampakkan kenyataan bahawa agama boleh berlaku sebagai kuasa terkuat dalam menggerakkan usaha manusia ke arah mencapai kebesaran dan kegemilangan seperti yang pernah terjadi pada agama Islam. Tetapi benar juga agama pernah menjadi sebab utama kejatuhan sesuatu kaum atau masyarakat akibat salah tafsir atau salah ikut iaitu tersesat dari semangat besar agama yang seperti dinyatakan tadi mengutamakan kesejahteraan dan kebahagiaan hidup berlandaskan pada sistem akhlak yang diberi pengesahan oleh Tuhan. Kesimpulannya masa depan sesuatu masyarakat bagitu kuat bergantung kepada cara agama dikendalikan. Untuk masyarakat Melayu Singapura khususnya dan masyarakat Singapura umumnya agama harus memenuhi dua matlamat penting: pertamanya membentuk nilai-nilai akhlak yang kukuh dan padu dan keduanya memerangsang kemahuan hendak terus mengejar kemajuan dan kesempurnaan hidup dalam ertikata selengkap-lengkapnya. Pasti janganlah hendaknya agama dijadikan asas keretakan.

Kini generasi muda yang lebih terpelajar telah wujud. Kemahuan-kemahuan serta harapan-harapan mereka perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Ramai dari mereka inginkan ajaran-ajaran agama yang menyakinkan iaitu yang dapat memuaskan dorongan-dorongan intelek mereka. Oleh itu agama perlu menjawab soalan-soalan yang tidak sahaja menyentuh hidup mereka kemudian tetapi hidup mereka sekarang juga. Tentu dalam hal ini agama umumnya mengutamakan iman (faith) sebagai kehendak pertama. Ertinya penganut-penganut agama harus bersikap percaya tanpa menyoal benar atau tidaknya ajaran-ajaran agama yang berkenaan. Namun bagitu

orang kebanyakan biasanya ingin mengetahui hubungan antara apa yang mereka percayai dengan hidup sehari-hari mereka. Dilihat demikian agama perlu memenuhi kehendak-kehendak hidup dunia fana dan juga kehendak-kehendak hidup dunia baka penganut-penganutnya. Dalam kata-kata lain mungkin ada baiknya kedua-kedua kehendak tersebut diimbangi.

Kebudayaan Melayu dan kebudayaan Cina di Singapura kini terdedah kepada kehendak-kehendak hidup yang sama iaitu kehendak-kehendak hidup yang mengutamakan ethos kejayaan serta bagaimana kejayaan itu dapat dipertingkatkan tahap demi tahap. Yang dimaksudkan dengan 'kejayaan' bukanlah setakat mencari duit atau keuntungan sahaja bahkan jauh lebih daripada itu. Kejayaan yang dimaksudkan di sini mencakupi soal kelangsungan hidup atau penakatan masyarakat Singapura keseluruhannya. Untuk menjaminkan masa depannya sebuah kebudayaan yang mengutamakan kejayaan (culture of success) harus diperkukuhkan. Agama pula perlu memberi sokongan yang sewajarnya khususnya dalam mengesahkan usaha-usaha halal dalam mengejar keyajaan dan kekayaan. Dalam hal ini nilai-nilai seperti kuat bekerja, berjimat-cermat, bertanggungjawab, dapat dipercayai, berdikari dan kecekapan perlu ditegaskan.

Dalam kebudayaan Cina usaha-usaha yang dilakukan untuk mengejar kekayaan dianggap cukup halal. Hal sebenarnya dipercayai umum bahawa kekayaan harus dicipta terdahulu sebagai dasar untuk memajukan kebajikan masyarakat. Ketegasan yang diberi kepada pengejaran kekayaan mungkin melahirkan kepercayaan bahawa orang-orang Cina terlalu materialistis dan kurang tertarik kepada hal-hal kerohanian

atau spiritual. Pandangan seperti itu tidak sebenarnya betul dalam ertikata lengkapnya. Apa yang dapat simpulkan ialah masyarakat Cina meletakkan kehendak-kehendak material (iaitu mencari duit, berjaya dalam usaha-usaha ekonomik dan lain-lain lagi) di depan kehendak-kehendak kerohanian atau spiritual. Tetapi perlu disebut bahawa kehendak-kehendak kerohanian itu tidak diketepikan atau ditinggalkan. Mungkin sikap dan pandangan ini sukar difahami oleh setengah-tengah Muslimin.

Walau bagaimanapun seperti yang dapat dilihat proses pembudayaan Islam ke arah menjadi kebudayaan Melayu Singapura lebih cekap dalam menghadapi cabaran-cabaran pembangunan berkehendakkan penilaian semula terhadap cara kekayaan difahami. Memang yang sempurna ialah mencapai suatu imbangan memuaskan antara kehendak-kehendak hidup duniawi dengan kehendak-kehendak hidup akhirat. Mungkin masih terdapat setengah-setengah Muslimin yang beranggapan bahawa pengejaran kekayaan merupakan perbuatan tak layak atau harus ditempatkan pada tempat yang kedua berbanding dengan tanggung-jawab terhadap agama. Sikap seperti ini tidak boleh disalahkan sebab pada dasarnya tiap orang perlu mengambil keputusan yang baginya dianggap baik dan memenuhi dorongan-dorongan akhlaknya. Namun begitu janganlah dianggap dorongan mengejar kekayaan sebagai suatu perbuatan keji ataupun melanggar ajaran-ajaran agama. Yang dianggap hina oleh agama adalah ketidakjujuran, tamak dan tidak berperikmanusiaan. Maka bolehlah diduga bahawa kebudayaan Melayu akan berubah dan secara beransur-ansur mengutamakan nilai-nilai yang mencerminkan kehendak-kehendak hidup di Singapura. Kehendak-kehendak hidup tersebut tidak dapat diketepikan sekiranya matalamat pemajuan masyarakat terus menjadi penting. Dalam hal ini, agama, dari segi semangat yang mengasaskan

pengamalannya perlu dikekalkan dalam perbuatan-perbuatan sehari-hari. Agama dan kejayaan duniawi tidaklah bertentangan. Seperti diketahui, sejarah perkembangan agama dan peradaban Islam pernah menampakkan kenyataan tersebut di mana pakar-pakar ilmu perubatan ahli-ahli sains dan falsafah adalah antara yang terkenal dalam ilmu tasauf. Kebudayaan Melayu di Singapura menerusi agama Islam perlu menegaskan kenyataan tersebut dan dengan itu menjadikannya suatu kuasa berpengaruh dalam membentuk nilai dan pandangan hidup.

***********

## OTHER TITLES IN THE SERIES

1. Noor S I, "Sastera Melayu Singapura; Penulis dan Ketukangananny a (Satu Pengalaman)", No 1/2, 1990/91.

2. Masuri S N, "Penulis dan Ketukangannya", No 1/2, 1990/91.

3. Syed Isa bin Mohamed Semait, "Amalan Islam Dalam Sebuah Negara Sekular", No 2, 1990/91.

4. Muhammad Ariff Ahmad, "Bahasa Melayu Pada Hari Ini: Satu Pandangan Peribadi", No 3, 1990/91.

5. Sidek Saniff, "Education and Singapore Malay Society: Prospects and Challenges", No 4, 1990/91.

6. Zainul Abidin Rasheed, "Muis and Mendaki: Current and Future Challenges", No 5, 1991/92.

7. Tham Seong Chee, "Defining 'Malay'", No 6, 1992/93.

8. Laurent Metzger, "Introducing Modern Malay Literature: The Thematic Approach", No 7, 1992/93.

9. Zulkifli Mohammed, "Majlis Pusat: Contemporary Developments and Future Challenges", No 8, 1992/93.

10. Abdullah Tarmugi, "Development of the Malay Community in Singapore: Prospects and Problems", No 9, 1992/93.

11. Harry G Aveling, "Contemporary Literary Theory and the Study of Malay Literature", No 10, 1992/93.

12. Tham Seong Chee, "Arah-arah Perkembangan Kebudayaan Melayu: Suatu Penilaian", No 11, 1993/94.

13. Laurent Metzger, "Perkembangan Laras Kejuruteraan Dalam Bahasa Melayu", No 12, 1993/94.

14. Tham Seong Chee, "Malay Family Structure: Change and Continuity with Reference to Singapore", No 13, 1993/94.

15. Tham Seong Chee, "Islam and Secularism: Dynamics of Accomodation", No 14, 1993/94.